

From: Welcome Centre
Sent: Sunday, May 6, 2018 5:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: KAYA ILMU KUATKAN JATI DIRI SMK TOK JANGGUT KELANTAN



06 MEI 2018 / 20 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

KAYA ILMU KUATKAN JATI DIRI SMK TOK JANGGUT KELANTAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Perkayakan diri dengan limpahan ilmu yang bermanfaat sebagai petunjuk jalan ke arah kecermerlangan telah menerpa ruang jiwa 80 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut (SMKTJ), Pasir Puteh, Kelantan yang mengatur langkah ke Universiti di utara ini.

Ilmu tidak dihadkan atau disukat, malah sesiapa sahaja boleh belajar ilmu setakat mana yang termampu dalam apa jua bidang. Dalam konteks ini, Discover UUM dilihat mampu membekalkan maklumat sepertimana tujuan lawatan SMKTJ.

Menurut guru pengiring, Khairudin Shapie, “SMKTJ memerlukan maklumat untuk pelajar Tingkatan 6 melanjutkan pelajaran ke UUM.” “Mendedahkan pelajar kepada persekitaran Universiti yang sebenar serta menarik minat pelajar untuk masuk universiti.”

Tambah beliau lagi, “UUM kini lebih menarik dari aspek prasarana dan persekitaran yang hijau.” “Mewujudkan peluang yang lebih luas dalam bidang akademik untuk pelajar Tingkatan 6 SMKTJ.”

Sementara itu, guru akademik Tingkatan 6, Md. Zulkiplee Hassan berkata, “SMKTJ ingin mengenali UUM dengan lebih dekat serta mengetahui program yang sesuai dengan pelajar,” serta “memberi pendedahan dengan lebih dekat kepada pembelajaran dalam kampus.”

“Sangat menarik!, Maklumat yang disampaikan amat jelas, diharapkan semua pelajar mendapat manfaat.” “Teruskan usaha murni ini.” Ujarnya lagi sebaik sahaja selesai sesi taklimat oleh Welcome Centre.

Justeru itu, program Discover UUM selama tiga hari dua malam untuk SMKTJ sudah semestinya mencapai objektif yang efektif dengan kerjasama padu Welcome Centre, Inasis Yayasan Al-Bukhary, Inasis Muamalat, Dewan Penginapan Pelajar (SAC) serta Himpunan Siswazah Anak Kelantan (HIMSAK).

Rata-rata mereka berpuashati dengan layanan terbaik oleh UUM malah ilmu yang diperolehi mereka melalui mata yang melihat, melalui telinga yang mendengar serta melalui hati yang merasa, tersemat bagi mencapai matlamat masa depan.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.